اءوتوريتي مونيتاري بروني دارالسلام
AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM

Monetary Authority of Singapore

Siaran Akhbar Bersama

PENINGKATAN KERJASAMA DALAM INOVASI KEWANGAN DI ANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN SINGAPURA

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dan Monetary Authority of Singapore (MAS) telah menandatangani Perjanjian Kerjasama FinTech pada hari Sabtu, 26 Sya'aban 1439H bersamaan dengan 12 Mei 2018M untuk menggalakkan inovasi bagi industri kewangan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura.

2. Perjanjian ini akan memudahcarakan perkongsian maklumat mengenai tren dan perkembangan FinTech yang terkini bagi mana-mana projek inovatif di antara kedua-dua buah negara. Perjanjian ini juga akan memberi sokongan kepada syarikat-syarikat FinTech untuk lebih memahami rejim regulatori dan peluang-peluang yang ada di bidangkuasa masing-masing.

3. AMBD dan MAS juga bersetuju untuk bekerjasama dalam meningkatkan ekosistem pembayaran *retail*, berpandukan kepada rangka kerja yang direka untuk memberi manfaat bukan sahaja kepada perniagaan-perniagaan, tetapi juga kepada pengguna-pengguna, di kedua-dua buah negara.

4. Penandatanganan Perjanjian Kerjasama FinTech tersebut telah disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Puan Yang Terutama Halimah Yacob, Presiden Republik Singapura, sempena Lawatan Negara Puan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam.

5. Menandatangani bagi pihak AMBD ialah Yang Mulia Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD, dan bagi pihak MAS ialah Jacqueline Loh Wai Yin, Timbalan Pengarah Urusan (Dasar Monetari & Pelaburan/ Kemajuan dan Antarabangsa/ FinTech & Innovasi).

Autoriti Monetari Brunei Darussalam
Date: Sya'aban 1439H/ May 2018M
Ref: AMBD/COMMS/3